

# 50 pensyarah Fakulti Komputeran dan Informatik jayakan seminar akreditasi MBOT

**UB 11.09.2024 P.03**

**LABUAN:** Seramai 50 peserta terdiri daripada pensyarah Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) telah menghadiri Seminar Akreditasi Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) di Smart Classroom FKAL di sini, Selasa lalu.

Seminar dianjurkan Pusat Jaminan Kualiti (CQA) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) UMS itu dihadiri 30 pensyarah secara fizikal dan 20 lagi secara dalam talian.

Pengarah Pusat Jaminan Kualiti (CQA) Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Ir Dr Zainal Zakaria berkata seminar itu bertujuan memberi pengenalan dan pendedahan berkenaan proses permohonan pengiktirafan akreditasi daripada badan profesional.


“Seminar memberikan

penerangan tentang proses mendapatkan akreditasi daripada Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) untuk program sedia ada serta program baru yang bakal ditubuhkan di Fakulti Komputeran dan Informatik,” katanya.

Seminar yang diadakan dari jam 9 pagi hingga 4.30 petang itu dikendalikan Director Of TITAS MBOT, TS Dr Nor Aznan Mohd Nor.

Sementara itu, Dekan Fakulti Komputeran dan Informatik, Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Hanafi Ahmad Hijazi berharap pensyarah yang menghadiri seminar sehari itu akan menggunakan ruang dan peluang untuk meningkatkan ilmu dan kepakaran dalam bidang masing-masing.

Selain pembentangan oleh penceramah jemputan, seminar itu turut dijayakan dengan sesi soal jawab.



**KOMITED:** Dr Nor Aznan (empat kanan), Dr Zainal (tiga kanan) dan Dr. Mohd Hanafi (tiga kiri) bersama Pensyarah FKI yang menjayakan Seminar Akreditasi Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) pada Selasa.